



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 42

RABU 17HB OKTOBER, 1979.

رابو 25 ذوالقعدة 1399

PERCHUMA



AWANG Omar bin Haji Serudin ketika memberikan peringatan kepada bakal2 pemandu mengenai dengan tanggung-jawab mereka terhadap keselamatan jalanraya. Di-sebelah kanan ia-lah Pengawas Lalu-lintas, ASP Pengiran Haji Salim bin Pg Wahid yang juga turut memberi nasihat kepada pemandu2 baru itu mengenai dengan chara2 memandu yang baik.

Jangan jadikan lesen memandu untuk membunuh atau terbunuh

Manis-nya Iman

"KALAU-LAH orang2 yang berilmu itu memelihara ilmu-nya dan meletakkan-nya pada tempat-nya maka nescaya dengan ilmu itu mereka akan berdaulat ka-atas orang2 yang sa-zaman dengan mereka." — HADITH Nabi riwayat Ibnu Majah daripada Ibnu Umar.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kenderaan Darat mula melaksanakan satu lagi langkah untuk mengesankan usaha mengurangkan kemalangan jalanraya.

Usaha itu ia-lah dengan memberikan taklimat kepada pemandu2 yang baru di-berikan lesen memandu. Mereka di-kehendaki terlebih dahulu mengikuti taklimat keselamatan jalanraya sa-be-lum lesen2 memandu itu di-serahkan kepada mereka.

"Lesen memandu ini mengizinkan kamu memandu jenis kereta yang di-benarkan oleh lesen itu. Jangan-lah ia di-jadikan lesen untuk membunuh atau lesen untuk terbunuh dari kemalangan jalanraya", demikian antara ingatan yang di-berikan oleh Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Omar Haji Serudin kepada 12 orang pemandu yang baru lulus ujian memandu dalam taklimat sulung-nya pada hari Sabtu lepas.

Upacara penyerahan lesen beramai-ramai ini berserta dengan taklimat

ada-lah julong2 kali di-adakan oleh jabatan itu dan ia-nya akan di-lakukan tiap2 minggu.

Menurut Awang Omar, usaha itu ada-lah untuk memberikan peringatan kepada bakal pemandu2 mengenai dengan tanggung-jawab mereka terhadap keselamatan jalanraya.

Tindakan ini, kata-nya, bukan saja untuk memastikan yang pemandu2 itu tidak saja chekap memandu, tetapi sentiasa memahami dan ingat akan kehendak undang2 dan disiplin di-jalanraya.

Kerana itu, kata-nya, lesen2 tidak akan di-serahkan kepada mereka sa-belum mereka mengikuti sharahan2 sa-umpama itu.

Dalam taklimat pertama-nya itu, Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat itu menarek perhatian pemandu2 baru itu bahawa pegawai2 melesen berkuasa memanggil mereka untuk di-uji semula atau membatalkan lesen mereka jika di-dapati mereka memandu dengan chara yang membahayakan.

Ujian semula itu, kata beliau, pada lazim-nya ada-lah lebih ketat dari yang biasa di-lakukan.

Di-samping itu, Awang Omar juga mengambil kesempatan menasehatkan

mereka supaya tidak akan mengubahsuai kereta2 mereka tanpa kebenaran terlebih dahulu dari jabatan itu.

Menjelaskan mengapa tindakan2 itu di-jalankan, Pemangku Pengawal Kenderaan Darat itu menerangkan, pengeluar2 kereta telah membuat ujian2 yang memastikan bahawa kereta2 keluaran mereka ada-lah selamat untuk di-gunakan.

"Mereka tidak menyukong pengubahsuaian yang mereka belum buat ujian atau yang mereka dapati akan mengurangkan aspek2 keselamatan", kata-nya.

Beliau melarang pemasangan tayar2 yang lebih besar dari yang disokong, pemasangan lampu2 yang tidak di-perlu-kan, pemasangan pelekat2 pada chermis2 dan pada lampu2.

Hadhir sama dalam taklimat itu ia-lah Pengawas Lalu Lintas, ASP Pengiran Haji Salim bin Pengiran Wahid yang juga turut memberi nasihat kepada pemandu2 baru itu mengenai dengan chara2 memandu yang baik.

Mengenai dengan chara baru yang di-laksanakan oleh Jabatan Kenderaan Darat itu, ASP Pg Haji Salim menyambut baik langkah itu.

Beliau percaya dengan ada-nya taklimat2 itu dan di-ambil berat oleh pemandu2, akan berkurangan-lah kemalangan jalanraya dan menjadikan jalanraya tempat selamat kepada semua pengguna2-nya.

Negara memerlukan alam sekitar yang berseih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Minggu Kesihatan telah di-lancarkan sa-rentak di-tiga buah daerah pada hari Ahad lalu. Kempen sa-lama seminggu itu di-anjorkan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan dan tema kempen kali kedua ini ia-lah "Jangan Jadi Sa-Orang Pengotor".

Kempen di-Daerah Brunei-Muara telah di-lancarkan oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato P.I. Franks. Beliau juga telah mengetahui kira2 200 orang sukarelawan2 untuk membersehhkan kawasan di-Jalan Gadong.

Lain2 kawasan yang di-bersehhkan pada hari itu ia-lah Pantai Muara, Kampong Pintu Malim, Kampong Kianggeh dan di-belakang stesen menjual minyak Teck Guan.

Di-Daerah Tutong pula, kempen tersebut telah di-lancarkan oleh Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Haji Noordin.

Dalam ucapan pelancharan kempen itu yang di-adakan di-Padang Kechil Bukit Bendera Pekan Tu-

tong, Y.B. Dato Dr. Haji Johar menegaskan bahawa ada-lah menjadi kehendak utama untuk menjadikan negara menikmati alam sekitar yang berseih dan bebas dari habok, kotoran dan kuman, kerana keadaan sekitar yang berseih ada-lah penting terutama sekali kepada kanak2 yang akan menjadi raayat masa depan.

Akan tetapi kata-nya, alam sekitar yang berseih tidak akan mencapai hasil yang memuaskan tanpa mendapat sokongan yang terus-menerus dari orang ramai.

Dari itu, Yang Berhormat menyarankan supaya semangat yang di-tunjokkan pada hari itu akan menjadi satu aktiviti yang berterusan yang mana keberseihan akan dapat di-nikmati oleh sa-tiap sa-buah penghuni rumah.

Dengan semangat sa-umpama itu sahaja-lah, kata Yang Berhormat itu lagi, akan dapat membaiki

alam sekitar yang berseih di-negeri kita Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat Dato Dr. Haji Johar menjelaskan bahawa tujuan mengadakan Minggu Kesihatan ia-lah

Lihat muka 20

3,745 masok pereksa SRPB/BJCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,745 orang chalun termasuk chalun2 persendirian akan menduduki pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris dan Melayu tahun ini.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 2,812 orang chalun akan mengambil pepereksaan dalam aliran Inggeris sementara 933 orang chalun yang lain-nya akan menduduki pepereksaan dalam aliran Melayu.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan di-14 buah

pusat di-mulai 5hb hingga 9hb. Nobember depan.

Sementara itu dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge perengkat Biasa dalam aliran Inggeris, sa-ramai 2,190 orang chalun termasuk chalun2 persendirian akan mengambil pepereksaan tersebut.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan mulai dari hari Sabtu 10hb. Nobember hingga 1hb. Disember di-semblan buah pusat di-seluruh negeri.

Lihat muka 20

**MASHARAKAT PEMBERSEH BERERTI
MASHARAKAT SEHAT**



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

JAMBATAN
KAWASAN
NEGARI
BRUNEI

17HB OKTOBER, 1979

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KEMPEN KEBERSEHAN BERMULA MINGGU INI

JANGAN jadi sa-orang pengotor! Di-mana ada kekotoran di-situ ada bahaya! Masyarakat pembersehan bererti masyarakat sehat! Ini-lah di-antara lain tema kempen kebersehan yang bermula pada minggu ini dan ia-nya di-jalankan sa-chara berperengkat-perengkat, dari bandar, luar bandar hingga kapendalaman atau ka-kampung2 di-seluruh tanah ayer kita. Kempen tersebut akan berakhir hingga 21hb Oktober, 1979 ini.

Kempen kali kedua yang di-anjorkan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan itu akan dipupuk di-beberapa buah kawasan yang tertentu di-ke-empat-empat daerah mulai Ahad lepas.

Kempen Kesihatan itu, ada-lah lebeh memberatkan supaya sa-tiap orang atau raayat di-negeri ini akan dapat menjaga alam sekitar yang berseih ia-itu bermula dari rumah tempat kediaman demi mengujudkan satu tempat yang berseih lagi menyegarkan.

Tidak shak lagi kempen saperti ini ada-lah suatu perkara yang wajib di-dambil berat oleh sa-tiap raayat dan penduduk di-negeri ini bagi melahirkan masyarakat yang sehat untuk pembangunan rohaniah dan jasmaniah yang ia-nya juga di-suruh oleh agama Islam yang maha suci itu. Kerana sa-tiap amalan yang di-dahului dengan kesucian dan kebersehan itu Insha Allah akan menerima balasan yang sa-timpal dengan amalan yang di-buat itu demikian jua di-sebalek-nya.

Kita di-Negeri Brunei ini ada-lah beruntung kerana dapat mengelakkan beberapa wabak dan penyakit yang berbahaya saperti penyakit ta'un meski pun terdapat wabak2 sa-umpama itu di-negeri sekeliling kita. Bagaimana pun, kita tidak boleh berpuas hati, malah hendak-lah sentiasa berwaspada dan melipat-gandakan lagi tenaga kita pada menjaga serta mengawasi sa-tiap kebersehan di-negeri kita ini terutama menjaga kebersehan di-sepanjang jalanraya2, membuang sampah sarap dengan tidak tentu arah yang boleh menyebabkan nyamok membiak, alat2 bertambah dengan cepat-nya dan sa-bagai-nya.

Keadaan sekeliling yang berseih dan sehat ada-lah kehendak utama bagi melahirkan masyarakat yang berseih dan sehat untuk kemajuan negeri kita yang terchinta ini. Di-antara puncha2 utama yang menyebabkan wabak penyakit berjangkit dan malah membawa kepada kematian ia-lah berpuncha dari keadaan yang kotor. Untuk mengelakkan-nya, sa-lain dari berserah kepada Allah, ia-lah berikhtiar dengan menjaga kebersehan di-tempat2 kediaman, di-tempat2 awam dan di-tempat2 lain di-negeri ini.

Memandang kepada bahaya2 berhubung dengan keadaan di-sekeliling yang tidak sehat, maka kempen kebersehan sa-umpama ini juga ada-lah bertujuan untuk menumpukan perhatian mengenai masaalah2 itu bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai. Justeru itu, kerjasama orang ramai sangat2-lah di-hargai dalam perkara ini. Tanpa kerjasama dari orang ramai, ada-lah perkara mustahil sa-tiap kebersehan bandar atau luar bandar atau kampung itu akan dapat di-awasi seponoh-nya oleh pehak yang berwajib.

Untuk melengkapkan perkhidmatan kesihatan bagi mengujudkan keadaan yang berseih lagi menyegarkan, dan supaya kempen kebersehan ini berjaya dan meninggalkan kesan, maka kerjasama serta penyertaan seponoh-nya dari semua pehak baik dari sharikat2 swasta, badan2 kebajikan, persatuan2 belia dan orang ramai umom-nya, mesti-lah ada.

Dengan penoh kepercayaan, Jabatan Kesihatan merayu kepada badan2 tersebut dan juga orang ramai untuk memberikan kerjasama dan membantu dalam usaha untuk memelihara Negeri Brunei serta isi di-dalam-nya BERSEH dan SEHAT.

PADA HEMAT SAYA....

MATA MASEH CHELEK

ORANG luar yang datang sa-bentar2 ka-sini mengkagumi negeri kita ini boleh di-katakan berseih. Maksud mereka, tentu-lah bandar2, terutama ibu negeri. Sebab ramai mereka tidak sempat ka-kawasan2 luar bandar dan pendalaman.

'Kambang' juga hati mendengar pengakuan begitu. Al-maalum saja-lah orang luar memuji kita! Itu tanda-nya mereka tertarek, kalau pun tidak terpesona, mendapati negeri kita ini berseih.

Mujur-lah dalam 'kambang' begitu mata kita maseh chelek melihat. Bokti-nya (sekurang2-nya kalau mahu di-jadikan bokti) ia-lah kata2 Pengarah Perkhidmatan2 Kesihatan dan Perubatan dalam perutusan Minggu Kesihatan tahun ini: "Penchemaran alam sakeliling yang di-sebabkan oleh pemuangan sampah sarap dengan tidak tentu arah dan membuang-nya di-tepi2 jalanraya ada-lah menjadikan-nya terlalu kotor di-kebanyakan tempat di-negeri ini terutama-nya dengan ada-nya pertambahan urbanisasi dan perpindahan penduduk."

Erti-nya: kita maseh tidak puas hati dengan kadar kebersehan yang ada.


Apabila demikian — dan tambahan pula di-akui oleh Pengarah itu lagi bahawa: "tiap2 raayat ada-lah berhak kepada suasana alam sakeliling yang sihat dan selamat," maka itu maana-nya kita benar2 menaruh perhatian bagi menjadikan negeri kita ini berseih, bukan saja bagi di-kagumi oleh orang2 luar yang datang sa-kejap2 malah juga bagi di-nikmati oleh kita yang menetap.

Yang demikian itu-lah saya perchaya langkah2 mewujudkan suasana kebersehan dan berkesihatan bukan-lah akan sa-takat kempen2. Kempen, apa jua jenis-nya, ada-lah sa-kadar menarek perhatian bagi memberi kesedaran mengenai sa-suatu perkara yang di-kempenkan, dan dari kesedaran itu orang2 yang di-tujukan kempen itu di-harapkan akan berbuat sa-suatu.

KESAN

Jadi, soal-nya ia-lah kesan kempen itu. Tahun lepas juga kita berkempen. Salepas itu tidak-lah di-keta-hui dengan pasti sa-takat mana 'orang2 yang pengotor' telah bertukar sikap menjadi pemberseih. Yang nyata: kawasan2 yang di-libatkan dalam kempen itu terutama-nya di-satu dua tempat yang di-ketahui kotor maseh juga kotor.

Sa-imbas penglihatan, ada kawasan yang dengan sendiri-nya akan sukar berke-



JAMBATAN awam saperti dalam gambar ini di-sediakan bagi kemudahan orang ramai. Penggunaan dan pemeliharaan-nya yang baik akan menolong mewujudkan suasana berkebersehan.

bersehan kerana keadaan-nya yang terlalu sesak saperti perumahan2 di-tebing kedai membawa ka-lagoon Masjid, dan dari sebelah barat lagoon itu membawa ka-Jambatan Edinburgh. Juga — di-kawasan 'perusahaan' Jalan Gadong.

Ini-lah barangkali yang di-katakan akibat "pertumbuhan urbanisasi dan perpindahan penduduk." Tetapi pi orang yang biasa keluar negeri yang melihat bandar2 negeri itu bertambah dan penduduk-nya berpin-dah maseh mendapati negeri itu berseih, sampah sarap-nya tidak kelihatan.

Maka memang benar salah satu puncha penchemaran alam sakeliling ia-lah pertambahan urbanisasi (perbandaran) dan perpindahan penduduk. Tetapi puncha ini dapat di-elakkan dengan mengawal-nya. Yakni: urbanisasi dan perpindahan penduduk (juga pertambahan-nya) itu akan menjadi puncha penchemaran alam sakeliling apabila ia tidak terkawal.

Dalam pada itu memang-lah ada kawasan2 dan tempat2 sa-patut-nya berseih serta boleh di-berseihkan tetapi kerana ada di-antara kita yang pengotor, kawasan2 dan tempat2 itu menjadi kotor. Chontoh-nya: pantai2 peranginan, jalan2 raya, dan—paling saya perhatikan ia-lah jamban2 awam!

Jamban2 awam berapalah jumlah-nya. Di-Bandar Seri Begawan dapat di-hitung dengan jari. Tetapi itu-lah perkhidmatan yang di-sediakan bagi kemudahan orang ramai yang memerlukan-nya ketika2 terdesak.

Ya! Ketika2 terdesak benar. Chontoh-nya: sa-orang yang kebetulan berada di-gerai makan di-Jalan Residency tiba2 merasa musta-

hak 'menyempurnakan hajat'. Ia pergi ka-jamban awam yang di-sediakan di-kawasan itu. Apa di-dapatinya?

Saya terperanjat, dia chuma sa-kejapan tapi dengan bergegas2 pula dia berlari masuk ka-kereta-nya dan terus meluru ka-tengah bandar. Sa-lepas kira2 sa-tengah jam baru dia kembali semula ka-gerai. Apa hal?

Menurut-nya, dia tidak tergamak 'melepas' di-jamban awam itu. Lantai kotor bertakong ayer, lobang jamban tersumbat dengan berbagai2 'isi', di-tarek-nya tali pam tapi tidak berayer. Tidak ada jalan lain dia segera teringat pejabat-nya ada jamban maka ka-situ-lah dia memachut kereta-nya.

HILANG HAK

Agak-nya kejadian saperti ini-lah boleh di-jadikan chontoh bagaimana sa-seorang itu telah tidak mendapat hak-nya untuk menikmati suasana alam sakeliling yang sihat dan selamat.

Tapi siapa sa-benar-nya yang 'menahan' hak-nya itu? Pehak yang berkuasa sudah menyediakan tempat. Bukan saja untuk-nya sa-orang bahkan untuk orang lain juga. Erti-nya pehak yang berkuasa telah memberi kemudahan bagi-nya dan bagi orang lain memperoleh hak. Saya-nya kemudahan itu di-chemari bukan oleh-nya tapi oleh orang lain yang sama2 di-beri hak itu. Akibat-nya ia-lah hak itu tidak bererti apa2 kepada-nya kerana dia tidak tergamak menggunakan-nya bukan kerana mengengankan takut orang lain tidak 'ampit' tapi kerana ia sendiri telah tidak 'di-ampiti'.

Erti-nya: jamban yang sa-

"SAYA saperti juga orang2 lain tentu sekali menghargakan hati yang mengambil peduli. Hanya barangkali hajat hati itu tidak pula sama di-rasakan oleh tangan dan kaki...."

patut-nya berseih dan boleh di-berseihkan itu telah jadi kotor di-sebabkan ada di-antara yang berhak itu pengotor. Mungkin sa-orang dua, mungkin ramai, tapi itu-lah kenyataan-nya.

Dalam pada itu tentu tidak sa-lama-nya kerana ada pengguna2 hak yang pengotor menyebabkan jamban itu terus menerus kotor. Chontoh-nya: lobang-nya yang tersumbat, pam tarek yang tidak berayer, lantai yang kotor — semua-nya itu tidak terdaya di-lakukan pembaikan-nya oleh si-pengguna. Yang berbangkit ia-lah masaalah kawalan dan pemeliharaan. Yakni: siapa yang memedulikan hal itu?

MENGHARGAKAN

Saya saperti juga orang2 lain tentu sekali menghargakan hati yang mengambil peduli. Hanya barangkali hajat hati itu tidak pula sama di-rasakan oleh tangan dan kaki. Begitu-lah pada keseluruhan-nya. Mewujudkan suasana alam sakeliling yang sihat dan selamat ada-lah suatu yang kita perlukan. Ia menjadi hajat semua yang sadar dan tahu akan maana sihat dan selamat itu. Sadar dan tahu itu, dalam perkara kebersehan ini termasuk-lah juga tahu akan kadar yang di-katakan berseih itu.

Dan kalau orang berkata: negeri kita ini negeri Islam, Islam menyuruh menjaga kebersehan, maka saya akan menyahut: Betul! Dan kebersehan itu sa-bahagian daripada iman. Soal-nya jangan lupa, iman itu antara-nya mesti-lah di-certai 'tahu'. Itu-lah sebab-nya 'tahu' akan kadar yang di-katakan berseih itu mesti ada untuk mewujudkan kebersehan yang menjadi sa-bahagian daripada iman itu. — Ketua Pegawai Penerangan.

MOURNING PERIOD ENDS

BANDAR SERI BEGAWAN.—Last Friday was the last day of the official thirty-day mourning period for the H.H. the Sultan's mother, the late Paduka Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

Flags at public buildings and government departments are now being flown normally.

However, the Royal family is still mourning the death for a few more days.

Meanwhile, more "Tah-lil" prayers are being held for the late Duli Yang Teramat Mulia.

Members of the Welfare and Sports Association of the Telecoms Dept last Friday went to the Royal Mausoleum to offer their prayers.

And members of the Royal Brunei Police and the Brunei Recreation Club also held the ceremony at the same venue on Friday afternoon.

Similar prayers were offered at the same time by the International Airport's Fire Brigade and the staff of the Civil Aviation and at the residence of the Penghulu of Kampong Sungai Kedayan.

The Royal Brunei Malay Regiment's Second Battalion held the prayers at the Regiment's Madrasah at the Tutong Camp on Thursday.

Last Wednesday, the staff of the Brunei Shell Petroleum Co in Seria also held the gathering at the Royal Mausoleum.

Staff of the Establishment Dept held similar ceremony at the department's Training Centre in Jalan Kumbang Pasang on the same day.

More similar prayers were held and will be held throughout the State.

Soldiers attend course

BANDAR SERI BEGAWAN.—Four personnel of the Royal Brunei Malay Regiment left for Singapore last Saturday to attend a two-week training course on eighty one millimeter mortar.

They were Corporals Ismail bin Mohammad and Hadi bin Leman and Lance Corporals Omar bin Ahim and Suawat bin Ala.

The soldiers are now attached to the School of Infantry Support Weapons at the Pasir Laba Camps.

Meanwhile, Sergeant Kamis bin Tengah from the regiment's first battalion mortar platoon who left last Friday is now undergoing a similar nine-week course at the Support Weapons Wing in England.



348 pilgrims left for Mecca to perform Haj last week. The picture above shows the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, blessing one of the pilgrims at the airport before his departure.



RESIDENTS in the Tutong Town responding the Health Week Campaign on Sunday clear the refuse.

HEALTH WEEK CAMPAIGN

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Medical Department launched a State-wide "Health Week 1979 Campaign" on Sunday.

A great number of voluntary teams from private organisations and government departments, throughout the State is still participating in the drive, and the theme of which is "Do Not Be A Litter-bug".

The campaign was originally scheduled to be carried out late last month, but was postponed due to the death of the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

For readers' more information, two messages are published below.

The following is the message by Pehin Dato Dr. P. I. Franks, the Director of Medical Services, Brunei:—

THE increasing range of Health problem arising from the Physical environment has now become a World Wide phenomenon.

Among the most important causes of illness and even death in developing countries are insanitary conditions and accompanying communicable diseases. It is evident that if environmental pollution is allowed to go on unchecked it will result in irreversible damage to life on this planet.

Although we are fortunate in Brunei that these problems have been eliminated to a large extent there is still much left to be desired. Environmental contamination due to indiscriminate refuse dumping and littering on roads is raising its ugly head in many parts of the State particularly with increased urbanisation and population movements.

Every citizen is entitled to a safe and healthy environment. The Public Health Division of the Medical and Health Department is geared to provide services to achieve the highest standards of hygiene and environmental sanitation. At the same time community effort and public support are essential for the success of preventive Health Services.

With this in view Health Week in Brunei is being launched for the second year in succession to high-light this aspect of Environmental pollution by increasing public awareness of these health hazards and promoting community participation

in maintaining a Healthy Environment.

It is therefore gratifying to note the spontaneous response from Government Departments and voluntary organisations to participate in our "Do not Litter"

campaign. I have no doubt that this spirit of co-operation will generate momentum to the success of the campaign.

"DO NOT BE A LITTER BUG"

DATO Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, the Deputy Director of Medical Services also issued his message which is as follows:—

A clean and healthy environment is a priority Health need for the progress of any country.

Brunei has heretofore been fortunate in being able to avoid major epidemics and illness among its population in spite of the constant risk from surrounding countries. However we cannot be complacent especially with the present development in the State.

Littering along roadsides, indiscriminate dumping of refuse, discarded tyres and cars is getting out of hand. As a result mosquito breeding and fly nuisance in the urban areas is increasing. The rodent population is multiplying fast and recently stray dogs are posing a problem in addition to all above.

In view of the dangers associated with an unhealthy environment this year theme for Health Week—**"DO NOT BE A LITTER BUG"** seems appropriate.

Campaigns of this nature are intended to focus attention on the current problems with a view to promote public awareness.

To effectively implement

health services for a clean environment there must be full co-operation and community participation. It is with this confidence that the Health Department appeals to the public to co-operate and assist in its efforts to keep Brunei **CLEAN AND HEALTHY.**

EXTENSION OF MUARA WHARF

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Government is now considering a proposal for the extension of the wharf at the Muara Port.

The suggestion put forward by the Port Authority calls for the extension of

the wharf by another six hundred feet.

At present, the one thousand four hundred foot wharf can only handle six ships at a time.

The Port Authority has issued figures showing that in the first half of this year alone, two hundred and fifty one ships called at the Muara Port with one hundred and eighty eight thousand tons of cargo.

This is an increase of six ships and four thousand tons of cargo over the figures for the same period last year.

Building materials and oil drilling equipments accounted for much of the cargo.

The Port Authority has also announced that two more fork-lifts will be added to the present fourteen units, two more cold storage trucks will be bought and the main warehouse is being extended while another smaller one is under construction.

Temburong Agricultural Show

BANGAR.—An agricultural show will be held by the Temburong District Agriculture Dept on October 28.

It will be held at the Dewan Ria here and is open to the public especially farmers in the district.

The exhibits will include a variety of local produce, such as paddy, rice, maize, vegetables, fruits and poultry.

There will also be sections for weaving and cookery.

All items must be sent in by Oct 27, except for cookery which must be sent in not later than 7.30 a.m. on the exhibition day.

More details are obtainable from the Agriculture Office here.

Transport will be provided to carry the exhibits to and from the venue.

Tutong clean up campaign

TUTONG.—A large scale clean-up campaign was launched in Tutong on Sunday morning.

More than two thousand people comprising government servants, shop-keepers, students and others participated in the drive.

The areas which were cleaned up included the Tutong Municipal Area and the Seri Kenangan Beach.

Before the drive commenced, speeches were given by the Chairman of the campaign Awang Adnan bin Haji Hanafiah and an officer from the Medical and Health Department in Bandar Seri Begawan.

Two die in accident

SERIA.—Two deaths occurred when a taxi was involved in a head-on collision with a car at Mile 15, Jalan Anduki here last week.

The taxi driver, Awang Bakar bin Salleh, 55, died on the spot and Awang Chiew Teck Onn, the driver of the car, 29, a Sarawakian, died later at the Panaga Hospital.

A passenger in the taxi sustained minor injury.

Visit to Agriculture station

JERUDONG.—A group of 32 students from Hassanah Bolkiah Teachers Training College, Gadong, recently paid an educational visit to Luahan Livestock Breeding Station here. (see the picture below)

They were led by their lecturers, Dayang Maimunah bte

Alias and Dayang Maznoor bte Abd Hamid.

They were briefed by two Agriculture Officers, Awang Abdullah bin Haji Bagol and Awang Aziz bin Saat.

They also visited the grass planting and cattle rearing areas.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(Y.M. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J.,
S.M.B., P.R.B.S., P.E.S., Ashar dan U. Cairo, Mufti

PAKAIAN yang dipakai oleh perempuan ketika di hadapan lelaki yang asing yang halal nikah, atau ketika keluar rumah — hendaklah menurut syarat2 berikut:—

PERTAMA: Hendaklah pakaian itu menutup segala badan termasuk kepala dan rambut melainkan anggota muka dan dua tapak tangan.

DALIL2-NYA: Menu-
top 'aurat ada-lah wajib hukum-nya berdasarkan:

(1) Menurut ijma' saha-
bat2 (radhiallahu 'anhum)
sa-bagaimana di-sebutkan
oleh Al-'Allamah Ibnu Ha-
zam Az-Zahiri di-dalam
kitab *Maratibul Ijma'*; dan
sa-bagaimana di-katakan
oleh Al-Imam An-Nawawi
di-dalam kitab *Ar-Rawd-
hah*; dan sa-bagaimana di-
katakan oleh Shaikhul Is-
lam Zakaria Al-Ansari
di-dalam kitab *Sharah Ar-
Rawdh*; serta sa-bagaimana
di-fatwakan oleh Al-Imam
Ibnu Hajar di-dalam
kitab *Az-Zawajir*.

(2) Menurut Hadith Nabi
(sallallahu 'alaihi wasa-
llam) sa-bagaimana di-
riwayatkan oleh Al-Imam
Ahmad dan Ashabul Su-
nanil Arba'ah dan oleh
Al-Hakim serta Al-Baihaqi
yang terjemahan-nya ber-
bunyi: "Peliha-lah 'aurat
kamu melainkan dari isteri
kamu atau hamba sahaya
perempuan kamu". Saha-
bat2 bertanya: "Bagai-
mana apabila orang2 ber-
himpun sa-sama sendiri".
Jawab Baginda: "Jika ka-
mu berdaya jangan di-lihat
oleh sa-seorang maka ja-
ngan-lah dia lihat 'aurat
kamu". Bertanya lagi saha-
bat2: "Bagaimana apabila
sa-seorang itu bersendiria?".
Baginda menjawab: "Se-
sungguh-nya Allah itu le-
bih berhak bermalu dari-
pada-nya lebih dari malu
daripada manusia".

(3) Menurut Hadith yang
di-riwayatkan oleh Al-
Imam Ahmad, Abu Daud
dan An-Nasa'ei:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى حَيُّ لَسْتِيرُ
يُحِبُّ الْعِفَّةَ وَالسَّتْرَ فَإِذَا
أَفْشَلْتُمْ أَحَدَكُمْ فَلْيَسْتِرْ.

Erti-nya: "Bahawa Al-
lah Ta'ala itu pemalu, ti-
ada sukakan 'aib dan bu-
rok. Ia sukakan sifat malu
dan sifat tiada terdedah.
Maka apabila sa-seorang
kamu mandi hendaklah ia

berselindang (tiada ber-
telanjang).

KEDUA: Hendaklah
pakaian itu tebal, tiada
nampak warna kulit dari
chelah2-nya.

DALIL2-NYA: Hadith
riwayat Al-Imam Abu
Daud sa-chara mursal dari-
pada Sayidatuna 'Aishah
bahawa kakak-nya Sayida-
tuna Asma' (radhiallahu
'an humu) mengadap Rasu-
lullah (sallallahu 'alaihi
wassalam) dengan memakai
pakaian yang nipis. Maka
Rasulullah berpaling dari-
pada-nya lalu bersadba
yang erti-nya: "Wahai As-
ma! Bahawa sa-seorang
perempuan p a b i l a
ia telah sampai masa haidh
(umur baligh dengan haidh)
maka tiada boleh di-lihat
daripada-nya melainkan ini
(lalu Rasulullah mengisra-
hkan pada muka dan dua
tapak tangan Baginda).

KETIGA: Hendaklah
pakaian itu luas, tiada sem-



PAKAIAN dalam gambar ini
pula sungguh pun menutup ke-
pala tetapi tidak-lah menutupi
kehidupan agama kerana ia me-
nutup sampai ka-muka, sedang-
kan muka bukan-lah aurat yang
wajib di-tutup.

Pakaian perempuan

Rengkas

1. Hendaklah pakaian itu menutup segala badan termasuk kepala dan rambut melainkan muka dan dua tapak tangan
2. Hendaklah pakaian itu tebal, tidak nampak warna kulit dari chelah2-nya
3. Hendaklah pakaian itu luas, tidak sempit yang menampakkan segi2 dan susok badan
4. Jangan pakaian itu menyerupai pakaian lelaki
5. Jangan pakaian itu wangi dan harum
6. Jangan pakaian itu pakaian berhias
7. Jangan pakaian itu bermegah2 dan menunjok2.

pit yang menampakkan
segii2 dan susok badan.

DALIL2-NYA: Pakaian
yang sempit sedemikian
itu membangkitkan shah-
wat dan mengela fitnah:
Berkata Al-Imam Az-Za-
habi: "Sa-tengah daripada
perbuatan yang perempuan
di-laknat kerana-nya ia-lah
menzahirkan perhiasan2-
nya seperti emas dan mu-
tiara dari bawah baju-nya;
dan ia berwangi2 dengan
wangi2an seperti kesturi
apabila ia keluar rumah;
begitu juga ia memakai
pakaian yang membawa
bermegah2 seperti bergin-
chu yang menyala2, kain
sutera, meluaskan lengan
baju — semua-nya itu ada-
lah bermegah2 yang di-
murkakan Allah sa-bagai-
mana tersebut di-dalam
kitab *Az-Zawajir*.

Maka menampakkan su-
sok badan dan segi2-nya
kapada lelaki yang asing
yang halal nikah ada-lah
suatu dari bermegah2 yang
di-larang, seperti di-sebut-
kan di-dalam kitab *Mad-
khal* oleh Ibnu Haj.

KE-EMPAT: Jangan
pakaian itu menyerupai
pakaian lelaki.

DALIL2-NYA: Ia-lah
menurut perkataan Al-
Imam Ibnu Hajar di-dalam
kitab-nya *Az-Zawajir*, dan
juga menurut Hadith yang
di-riwayatkan oleh Al-
Imam Bukhari dan empat
ulama' Hadith yang lain
daripada Ibnu Abbas telah
berkata (terjemahan-nya):
"Rasulullah (sallallahu
'alaihi wassalam) telah me-
laknat (mengutok — yakni:
jauh daripada mendapat
rahmat Allah) akan orang2
lelaki yang menyerupai pe-
rempuan, dan orang2 pe-
rempuan menyerupai lelaki

yakni dalam pakaian atau
dalam perchakapan atau
dalam gerak geri atau sa-
umpama-nya". Dan kata
Al-Imam Ibnu Hajar: "me-
nyerupai perempuan akan
lelaki dan sa-balek-nya
ada-lah dosa besar". Begi-
tu juga pendapat lain2
ulama'.

KELIMA: Jangan pa-
kain itu wangi dan harum.

DALIL2-NYA:

(1) Menurut perkataan
Al-Imam Ibnu Hajar dalam
Az-Zawajir: "Bahawa ke-
luar perempuan itu dari
rumah-nya dengan ber-
wangi2 dan berhias2 sekali
pun dengan kebenaran
suami-nya ada-lah dosa
besar".

(2) Hadith yang di-
riwayatkan oleh Al-Imam
Ibnu Majah (terjemahan-
nya): "Sedang Rasulullah
duduk dalam masjid tiba2
sa-orang perempuan dari
kabilah Muzainah bergaya
dengan perhiasan-nya da-
lam masjid. Maka Nabi
(sallallahu 'alaihi wassalam)
bersabda (terjemahan-nya):
Hai manusia! larang pe-
rempuan2 kamu dari pakai-
an yang berhias dan berga-
ya dengan perhiasan-nya
di-dalam masjid, kerana
Bani Israel tiada di-laknat
sa-hingga-lah apabila pe-
rempuan2 mereka memakai
perhiasan dan bergaya de-
ngan perhiasan-nya dalam
masjid2".


(3) Hadith yang di-ri-
wayatkan oleh Al-Imam Abu
Daud dan At-Tarmizi yang
kata-nya hadith itu hasan
sahab bahawa Nabi ber-
sabda:

كُلِّ عَيْنٍ زَانِيَةٍ وَالْمَرْءَ إِذَا
اسْتَعْتَرَتْ فَمَرَّتْ بِالْمَجْلِسِ
فِي كَذَا وَكَذَا يَعْنِي زَانِيَةً.

Erti-nya: "Tiap2 mata
berzina. Dan perempuan
itu apabila ia berwangi2
harum lalu melintas di-sa-
suatu majlis orang maka ia
begini — begini, yakni ber-
zina dengan bau wangi-nya
itu".

KE-ENAM: Jangan pa-
kain itu pakaian berhias.

DALIL2-NYA: Saperti
dail sharat yang kelima
di-atas. Dan juga Hadith
yang di-riwayatkan oleh
Al-Imam Muslim serta
lain2, terjemahan-nya:
"Dua puak manusia dari-
pada penduduk neraka be-
lum saya pernah lihat (pa-
da masa hayat Baginda, te-
tapi masa sekarang sudah
di-lihat!) Satu puak ia-lah
orang yang bersama2 me-
reka chemati sa-bagai ekor
lembu, mereka memukul



WANITA2 Islam di-kehendaki bersopan. Jika kesopanan itu
termasuk juga kemanisan, maka pakaian seperti kedua gambar
di-atas sungguh melambangkan kemanisan yang bermaruah yang
sepatut-nya di-miliki oleh wanita Islam.

orang dengan chemati itu.
Dan satu puak lagi ia-lah
perempuan memakai pakai-
an tetapi bertelanjang (me-
nutop chuma sa-bahagian
aurat-nya) berjalan bergaya
dengan perhiasan-nya dan
menggerakkan bahu2-nya,
di-atas kepala mereka topi2
dan sa-umpama-nya. Ti-
ada-lah perempuan itu ma-
sok shorga dan tiada-lah
mereka menchiu bau-nya.
Dan bau shorga itu dari sa-
jauh sa-kian2 perjalanan."

KETUJUH: Jangan pa-
kain itu pakaian ber-
megah2 dan menunjok2.

DALIL2-NYA:

(1) Berkata Al-Imam
As-Shirazi dalam kitab *Al-
Muhazzab*, terjemahan-nya:
"Ada pun perempuan
yang merdaheka (bukan
hamba sahaya) maka segala
badan-nya ada-lah aurat
melainkan muka dan dua
tapak tangan-nya, saperti
maksud firman Allah yang
tafsiran-nya: (Jangan-lah
perempuan2 itu menampak-
kan perhiasan mereka me-
lainkan apa yang mesti
nampak dari perhiasan me-
reka).

Mengikut Ibnu Abbas,
ertikata "melainkan apa
yang mesti nampak dari
perhiasan mereka" itu ia-
lah muka dan dua tapak
tangan-nya, kerana Nabi te-
lah melarang perempun
yang berhiam dari
memakai dua sarong
tangan dan penutup muka.
Jikalau sa-kira-nya muka
dan tapak tangan itu aurat
neschaya tiada-lah haram
(berdosa) menutup muka
dan dua tapak tangan keti-
ka ihram haji atau 'umrah
itu. Dan kerana sa-suatu
perkara menghendaki me-
nampakkan muka ketika
berjual beli. Dan kerana
sa-suatu perkara di-kehen-
daki di-nampakkan tapak
tangan kerana mengambil
dan memberi sa-suatu.
Oleh itu tiada-lah di-jadi-
kan muka dan tapak ta-
ngan perempuan itu 'aurat
yang wajib di-tutup.

(2) Berkata Al-Imam
An-Nawawi dalam kitab
Sharah Al-Muhazzab:

"Daripada Ummu Sala-
mah bahawa ia telah ber-
tanya kepada Nabi ada-kah
perempuan sembahyang me-
makai baju dan kain tu-
dong dengan tiada mema-
kai kain sarong? Sabda
Baginda, erti-nya: (Apa-
bila baju itu labuh menu-
top belakang dua tapak ka-
ki-nya) — yakni kalau baju
yang di-pakai-nya itu su-
dah cukup labuh sampai
menutup kaki maka boleh-
lah tidak memakai kain sa-
rong.

Dan daripada Ibnu
Umar, sabda Rasulullah
Sullallahu 'alaihi wassa-
lam (Barangsiapa meng-
heret baju-nya kerana tak-
bur dan 'ujub maka Allah
tiada akan melihat kapada-
nya dengan redha pada hari
kiamat) Lalu Ummu Sala-
mah bertanya: Bagaimana
perempuan buat dengan
ekor baju-nya? Sabda Ra-
sulullah: (Mereka labuh-
kan ekor baju-nya sa-jeng-
kal). Tanya Ummu Sala-
mah lagi: Kalau begitu ter-
selak-lah tapak kaki me-
reka? Sabda Rasulullah:
(Mereka labuhkan sa-he-
sta, tiada lebeh mereka la-
buhkan dari sa-hasta). Ha-
dith ini di-riwayatkan oleh
Al-Imam At-Tarmizi, An-
Nasa'ei, dan kata At-Tar-
mizi Hadith ini saheh.

Erti-nya: Jika meleret
pakaian di-atas tanah ke-
rana takbur ada-lah haram,
dan jika kerana mengikut
perbuatan orang kafir ada-
lah haram. Dan jika me-
leret pakaian di-atas tanah
saperti ekor seluar kerana
memulikan perbuatan
orang kafir dan menghina-
kan hukum Islam pada-
nya ada-lah kufur dan mur-
tad.

Begitu-lah kalau mela-
buhkan ekor kain atau ekor
baju atau ekor lengan atau
ekor serban dengan tujuan
bermegah dan berasa ting-
gi, samada lelaki atau pe-
rempuan ada-lah dosa be-
sar, saperti mana kata Al-
Imam Ibnu Hajar di-dalam
Az-Zawajir.

WALLAHU A'ALAM.



Memelok Ugama Islam

SA-ORANG pemuda Inggeris (gambar atas) Melvin Gerrard Ward berusia 24 tahun telah melangsungkan pengislaman-nya di rumah Awg Hj Mohammad bin Hj Bakar di-Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara.

Dalam majlis pengislaman itu pada 29hb September lepas Melvin telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Fadillah bin Abdullah dan melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Muslim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin.

memilih nama Islam-nya sa-bagai Habibah bte Abdullah manakala Mok-

sin bin Munchong memilih nama Islam-nya sa-bagai Moksini bin Abdullah. Kedua-dua mereka telah melafadzkan ikrar Islam masing2 di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila.

DALAM usaha untuk memperolehi segala kebaikan dan pekerjaan yang berfaedah, seringkali digunakan daya usaha dan tenaga yang lebih untuk mencaipai-nya. Tetapi faedah itu kadang2 terlalu lambat diperolehi sa-hingga chita2 menjadi patah di tengah jalan dan terus mengubah pendirian-nya untuk memperolehi sa-suatu dengan cara yang lain pula. Di-sini ternyata bahawa sa-suatu tujuan yang berfaedah itu terpaksa melalui beberapa halangan dan rintangan untuk memperolehi-nya.

Berbanding dengan perkara2 yang burok dan tiada berfaedah, maka kedatangan-nya kepada sa-seorang itu ada-lah senang dan sam-bil lewa saja. Ia tidak payah di-beri pertimbangan dan permenangan kerana ia munchol dengan tiba2. Kadang2 akibat-nya hanya-

MENCHARI KEBAIKAN PERLU KESABARAN

lah di-sebabkan oleh senda gurau sahaja, tetapi boleh mengakibatkan bencana yang dahshat dan berat.

Dari sini ternyata bahawa sa-suatu yang baik itu terdapat penghalang dan perintang, dan sa-olah2 ada sa-suatu yang menghambat-nya. Di-sana sini terasa kesukaran dan kesulitan, sa-perti terasa yang kebaikan itu semua-nya susah belaka. Manakala yang tidak berfaedah pula, seperti ada sa-suatu kuasa yang mendorong dan mendorong-nya sa-hingga semua yang dikerjakan itu terasa ringan sahaja. Oleh sebab itu ada benar-nya jika orang mengatakan: Jalan itu berliku-liku dan sa-balek-nya jalan ka-neraka itu lurus dan datar.

Sa-benar-nya burok dan dan baik itu ada-lah berupa akibat yang tidak berdiri dengan sendiri-nya, tetapi harus di-dahului oleh sebab musebab-nya. Sa-bagai mithalan, kita bandingkan orang yang sehat dengan orang yang sakit. Untuk mencapai darjah kesihatan itu ada-lah perlu berbuat sa-suatu untuk menyehatkan-nya. Demikian juga sakit, ia akan payah berlaku jika kawalan ketat di-beri-kan untuk mencegah-nya, tetapi kalau tidak di-hiraukan maka senang-lah sa-seorang itu mendapat jangkitan-nya. Jadi-nya, yang berbedza di-sini ia-lah menge-

DI-DALAM kitab suci Al-Kor'an banyak di-dapati keterangan2 yang menunjukkan, bahawa runtohnya sa-suatu keagongan atau kebesaran itu ada-lah di-sebabkan beberapa perkara. Di-antara-nya yang besar ia-lah:

1. Kedzaliman
2. Hilang timbang rasa atau peri kemanusiaan
3. Meluas-nya keruntuhan akhlak
4. Berleluasa melakukan kekejaman
5. Berleluasa melakukan khianat dan penipuan
6. Berleluasa tingkah laku mementingkan diri, dan
7. Yang paling besar melakukan derhaka dengan melanggar segala hukum2 Allah Ta'ala

Semua itu dapat di-rengkaskan, bahawa budi perkerti yang baik telah hilang, akhlak yang mulia runtohan dan punah, dan yang tinggal hanya-lah keruntuhan dan pasad, sa-bagaimana firman Allah yang bermaksud: "Telah timbul kerosakkan di-mara2 sahaja, di-darat dan di-laut dengan

KEDZALIMAN ANTARA SEBAB KERUNTOHAN UMAT

usaha tangan manusia sendiri".

Ini di-jelaskan dengan contoh oleh Allah s.w.t. tentang beberapa umat sebelum manusia mendiami muka bumi ini, sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud:

"Telah berapa banyak Kami binasakan umat2 yang terdahulu sa-lepas Nabi Nuh

a.s. dan memadam-lah untuk di-terima dan di-perchayai kejadian ini, Tuhan mu itu amat melihat akan dosa hamba2-Nya".

Oleh hal yang demikian, wahai kaum muslimin! Jangnan-lah kita berfikir, bahawa ketenangan dan kelimpahan nikmat yang ada sekarang sa-bagai tanda mutlak keredhaan Allah atau kerana kelalaian-Nya memberi balasan terhadap kejahatan dan maksiat yang di-lakukan oleh manusia. bahkan hendak-lah kita ingat, bahawa ketenangan dan kelimpahan nikmat yang kita kechap ada-lah penanggihan sementara bagi memberi peluang kepada kita bertaubat dan memperbaiki kedudukan diri dan masyarakat. Maka sayugialah kita berdoa supaya tidak berlaku ka-atas kita penderitaan dan azab sengsara sa-bagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Allah telah menjadikan suatu tauladan ia-itu sa-buah kampung yang aman dan tenteram, mewah dengan rezeki yang datang daripada sa-genap rantau dan pesisir-nya, maka kufur-lah mereka akan nikmat2 Allah itu, lalu Allah rasakan penderitaan kelaparan dan ketakutan di-sebabkan oleh maksiat dan kederhaan mereka" (An-Nahl ayat 112).

Supaya hidup kita sentiasa di-berkat Allah, negara dan bangsa kita ter-selamat daripada azab dan penderitaan buat sa-lama2-nya, maka mari-lah kita merendahkan diri di-hadapan-Nya, membanyakkan taubat nasuha pada sa-tiap kesalahan dan dosa2 kita, di-samping memohon keampunan dan keredhaan-Nya. Mari-lah kita sentiasa mengerjakan segala titah perintah Allah dengan tidak beralih-dalih dan bertanggung. Di-samping kita banyak bersukor atas segala nikmat yang di-korbankan kepada kita dan negara yang aman makmor ini, bukan sahaja dengan kata2 tetapi juga paling mustahak ia-lah dengan amalan, ia-itu dengan chara mematuhi segala ajaran2 ugama Islam yang suci. Mudah-mudahan dengan itu, Allah akan mengandakan lagi nikmat-Nya dengan tidak putus2 dan berkesudahan. Amin yarabba 'alamin.



Majlis bertahlil

SATU Majlis bertahlil dan membaca surah Yassin telah di-adakan oleh penuntut2 Brunei pada sa-lepas tiap2 sembahyang fardhu lsha bertempat di-Rumah Brunei, London.

Majlis tersebut di-adakan sempena memperingati lindong-nya DYT M Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit yang di-mulakan pada 13hb September dan berakhir pada 12hb Oktober lepas.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17hb Oktober, 1979 ada-lah seperti dibawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhoor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
18hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
19hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
20hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
21hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05	
22hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05	
23hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48	6.05	


Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

ZIARAHI MAKAM ALMARHUMAH MEMBACHA YASIN DAN TAHLIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak hari lindong, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman pada 20hb Shawal, 1399 bersamaan dengan 13hb September, 1979, penduduk2 yang beragama Islam di-negeri ini tidak putus2 menziarahi makam Almarhumah, sambil membachas surat Yasin dan Bertahlil.

Majlis2 membachas yasin dan bertahlil juga di-adakan di-Pejabat2 Kerajaan, di-kampung2, surau2 dan masjid2 di-seluruh negeri. Membachas tahlil di-Masjid Omar Ali Saifuddin, di-adakan pada tiap2 malam selepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib dan di-siarkan sa-chara langsung oleh Radio Brunei.



GAMBAR atas ia-lah kaki-tangan2 Jabatan Pertanian telah menziarahi Makam Al-marhumah DYT M Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, sambil bertahlil. Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pegawai Pentadbir di-jabatan tersebut, Pengiran Aliuddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar. Rombongan ini juga telah mengadakan majlis yang sama di-Istana Darul Hana, di-sebelah malam-nya.

TAHLIL DI-PEJABAT2 KERAJAAN

BOLEH di-katakan seluruh pejabat2 Kerajaan di-negeri ini telah mengadakan majlis tahlil kerana mengingati atas lindong-nya Almarhumah DYT M Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit. Gambar bawah kiri ia-lah kaki-tangan Jabatan Letrik dan bawah kanan Jabatan Ukur,

di-ibu kota telah mengadakan majlis tahlil di-pejabat masing2. Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, di-ibu kota, telah mengadakan tahlil pada tiap2 malam sa-lepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib dan di-siarkan sa-chara langsung oleh Radio Brunei.

Hari ia-lah jatuh pada hari Selasa 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan dengan 23hb Oktober, 1979. Sementara Majlis Genap Sa-ratus Hari belum lagi di-umumkan. Bagaimana pun ia-nya akan di-umumkan kemudian.

Menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid akan menjunjong/mempersilakan datang ka-Majlis Bertahlil



KELUARGA DIRAJA MASEH BERKABONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keluarga Diraja hari ini maseh berkabong sa-hingga hari Selasa 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan dengan 23hb Oktober, 1979.

Sementara itu, perkabongan bagi orang ramai telah berakhir Sabtu lalu 21hb Dzulkaidah, 1399 bersamaan dengan 13hb Oktober, 1979.

Perkabongan tersebut adalah bagi memperingati hari lindong Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengi-

ran Anak Abdul Rahman pad 20hb Shawal, 1399 bersamaan 13hb September, 1979.

Seluruh bendera Brunei, di-jabatan2 Kerajaan, di-firma2 dan bendera peribadi di-kibarkan seperti biasa menandakan hari perkabongan bagi orang ramai telah berakhir—kechuali Keluarga Diraja.

Hari ini, ia-lah masuk ke-35 hari perkabongan bagi Keluarga Diraja.

Sementara itu, Majlis Bertahlil maseh di-teruskan di-Istana Darul Hana, masjid2 dan surau2 di-seluruh hari, yang akan berakhir pada 1hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 23hb Oktober, 1979.

PENDUDOK2 Kampung Sumbiling Lama, di-Bandar Seri Begawan telah menziarahi makam Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, yang telah lindong pada 13hb September, 1979 yang lalu.

Rombongan tersebut diketuai oleh YAM Pengiran Kesuma Negara Pengiran Anak Chuchu Besar, YAM Pengiran Lela Negara Pengiran Anak Haji Mohamad, YM Pengiran Anak Haji Damit dan Ketua Kampung Sumbiling Lama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Awang Haji Musa. Kedua2 gambar atas ia-lah penduduk2 Kampung Sumbiling Lama, ketika menziarahi makam Almarhumah.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 17HB OKT.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
 - 5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.48 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 STAR TREK — "Plato's Stepchildren"
 - 6.11 AZAN MAGHRIB
 - 6.15 STAR TREK — sambongan
 - 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- MALAM**
- 7.10 BEWITCHED — "Samantha Fights City Hall"
 - 7.26 AZAN ISHA
 - 7.30 BEWITCHED — sambongan
 - 7.40 FLAMBARDS — "The Edge Of The Cloud"
 - William mendapat kerja di-Elm Park dan Christina pula bekerja sa-bagai pelayan di-sa-buah hotel tempatan. Tetapi bagi pasangan muda ini, mereka berada di-ambang percutian, keseronokan dalam bidang penerbangan dan pengembaraan.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 MAJALLAH BRUNEI
 - 9.05 SHOW OF THE WEEK — "Michel Legrand and Friends"
 - 9.55 GUSTI
 - 10.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 18HB OKT.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
 - 5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 BIG BLUE MARBLE
 - 6.11 AZAN MAGHRIB
 - 6.15 BIG BLUE MARBLE — sambongan
 - 6.30 NOBODY'S HOUSE
 - 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- MALAM**
- 7.10 HIDAYAT
 - 7.26 AZAN ISHA
 - 7.30 HIDAYAT — sambongan
 - 7.40 HIGH CHAPARRAL — "A Tiger By The Tail"

Sa-orang ketua penjahat yang chedera dan telah di-tawan oleh the Cannons memberitahu mereka bahawa pengikut2-nya akan memusnahkan mereka melainkan ia-nya di-bebaskan.

- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 ANIMAL WORLD — "Kenya's Spring of Life"
- 9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 19HB OKT.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
 - 5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.30 FAMILY CLASSICS — "Robinson Crusoe"
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
 - 6.11 AZAN MAGHRIB
 - 6.15 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
 - 6.30 FAMOUS FIVE — "Five Get Into A Fix"
 - 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- MALAM**
- 7.10 THE GOOD LIFE — "Our Speaker Today"
 - Barbara munchol sa-bagai sa-orang yang di-kenali ramai. Tom merasa bimbang. Margo pula merasa iri hati.
 - 7.26 AZAN ISHA
 - 7.30 THE GOOD LIFE — sambongan
 - 7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
 - 9.30 HAWAII FIVE O — "Murder . . . Eyes Only" Bahagian 2.
 - 10.20 THRILLER — "K Is For Killing"
 - 11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU — 20HB OKT.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
 - 5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.30 KUM KUM — "The Rabbit"
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 SESAME STREET
 - 6.11 AZAN MAGHRIB

- 6.15 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Creatures of the Amazon"
- Semut2, monyet2 dan banyak lagi lain2 jenis binatang, masing2 mempunyai chara terus hidup di-hutan2 lembab Amazon.
- 7.26 AZAN ISHA
- 7.30 JULIE FARR M.D. — Dr. Julie Farr melanggar peraturan dan membidani kelahiran sa-orang anak damit walau pun ibu-nya sa-orang pendatang haram.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 DOG AND CAT — "The Only Way to Fly"
- Ramsey dan JZ chuba mengiring sa-orang pemandu kapal terbang sindiket jenayah kembali ka-Amerika Sharikat untuk mendapatkan bakti untuk menolong ketua-nya.
- 9.55 BIG LEAGUE SOCCER
- 10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU — "The Heist"
- 12.15 SIARAN TAMAT.


AHAD — 21HB OKT.

- PETANG**
- 5.15 PEMBUKAAN
 - 5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 5.30 HANDFUL OF SONGS
 - 5.45 OSCAR AND THE GREAT WOOFERO — "If the Hat Fits"
 - Gnashers meranchang untuk menchuri topi sakti Great Woofero dan membuat satu topi tiruan untuk menggantikan-nya. Tetapi ia terlupe yang mana satu-kah topi sa-benar dan ranchangan2-nya pun menjadi salah.
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 THE GREEN HORNET — "Beautiful Dreamer" — Bahagian 1.
 - 6.10 AZAN MAGHRIB
 - 6.14 THE GREEN HORNET — sambongan
 - 6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
 - 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- MALAM**
- 7.10 WKRP IN CINCINNATI — "Commercial Break"
 - Sa-orang saudagar keranda bersungoh2 mahu mengiklankan jualan-nya di-WKRP walaupun steshen ini menyediakan muzik rock'n roll yang ranchak bagi para pendengar muda mudi.
 - 7.24 AZAN ISHA
 - 7.28 WKRP — sambongan
 - 7.40 THE INCREDIBLE HULK — "Wild Fire"
 - David Banner bekerja di-sa-buah perkapalan minyak apabila satu perbuatan sabotaj menghancurkan sa-buah telaga baharu.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 MUZIKA DRAMA
 - 9.35 FROM HERE TO ETERNITY — Bahagian Pertama
 - 10.25 THE NEXT STEP BEYOND — "Portrait of the Mind"
 - 10.55 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 22HB OKT.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
 - 5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
 - 6.10 AZAN MAGHRIB
 - 6.14 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan



JOHN Newland, host bagi siri "The Next Step Beyond." Episod minggu ini berjudul "Portrait of the Mind" akan di-tayangkan pada hari Ahad jam 10.20 malam.

- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM**
- 7.10 PERUBATAN
- 7.24 AZAN ISHA
- 7.28 PERUBATAN — sambongan
- 7.40 PETROCELLI — "A Life For A Life"
- Petrocelli membela sa-orang lelaki muda yang menghadapi tuduhan membunuh dan membakar tat kala ia dengan tidak senghaja menaiki motosikal menuju ka-bandar yang salah di-waktu yang salah.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.05 VEGAS — "Best Friend"
- 9.55 POLDARK — Bahagian 5
- 10.45 SIARAN TAMAT.

SELASA — 23HB OKT.

- PETANG**
- 5.45 PEMBUKAAN
 - 5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
 - 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
 - 6.00 RENGKASAN BERITA
 - 6.02 DICK TURPIN — "The Jail Birds"
 - 6.10 AZAN MAGHRIB
 - 6.14 DICK TURPIN — sambongan
 - 6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Microfilm Mystery"
 - 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - MALAM**
 - 7.10 SERIKANDI
 - 7.24 AZAN ISHA
 - 7.28 SERIKANDI — sambongan
 - 7.40 FLYING HIGH — "South By Southwest"
 - Pelayan kapal terbang Lisa Benton mendapati diri-nya menjalin satu hubungan cinta dengan penumpang utama sa-buah penerbangan sewa khas sa-orang senator Amerika Sharikat.
 - 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
 - 8.45 ARENA SOKAN
 - 9.25 DOCUMENTARY WORLD ABOUT US — "Lost Kingdom of the Kalash"
 - 10.15 KOJAK — "Mouse"
 - 11.05 SIARAN TAMAT.



TONY Curtis berlakun sa-bagai Bernie Roth dan Robert Urich sa-bagai Dan Tanna dalam siri VEGAS pada hari Isnin jam 9.05 malam.



SERIKANDI MINGGU INI

Untuk panduan pada peminat2 Serikandi sekalian, dan siri minggu ini akan kami muatkan dengan sambongan Siri II sudut kerajinan tangan membuat penggantung pasu, jangan lupa puan2 sediakan-lah tali, kali ini Malai Noraini akan menunjukan chara membuat menggunakan tali enam belas.

Dalam ranchangan ini puan2 juga akan dapat menyaksikan petekan film mengenai kejayaan Dayang Saleha di-bidang perniagaan-nya.

Resepi minggu ini pula, sekali lagi puan Bibi Haminah Udek akan memberikan tunjukchara membuat Kek Puspasari, dan di-bawah ini bahan2 dan peratoran membuat Kek Puspasari :—

KEK PUSPASARI

Bahan2-nya :

- 5 biji telur 2 biji buang puteh-nya.
- 1 glass tepong gandum
- 1 glass gula halus
- 3 oz mentega
- 2 glass susu manis
- 1 sudu teh vanilla
- 1 glass ayer kelapa
- 1 glass isi kelapa muda (di-hiris halus)

Peratoran-nya :

Ambil dua biji puteh telur dan di-pukul hingga kembang. Masokan gula. Sudah itu masokan 5 biji kuning telur tadi, gaul lagi rata2 lalu masokan tepong, susu manis dan vanilla ayer kelapa dan isi-nya, gaul rata2. Bila siap boleh-lah di-bakar.

Sementara itu pada puan2 yang tidak sempat menyalin resepi Daging Batang Burok, di-sini kami sertakan resepi-nya.

DAGING BATANG BUROK

Bahan2-nya :

- 1 kati daging
- 3 biji bawang besar

- 5 biji telur ayam
- 2 sudu besar ketumbar
- 1 sudu besar lada puteh
- 1 sudu teh jintan manis
- 1 ikat daun bawang
- 4 sudu besar minyak
- sedikit garam dan aji no moto
- 1 sudu besar minyak sapi
- 2 biji kentang
- 1 biji sengkang.

Chara-membuat-nya :

Daging tadi di-kisar, bawang besar di-potong kechil2 lalu gaulkan pada daging champor pula ketumbar, jintan dan minyak sapi. Lepas itu minyak di-panaskan lalu goreng hingga kering, bila sudah kering, ketepikan dulu. Ambil telur tadi di-pukul sedikit lalu masokan daging tadi dan taroh pula daun bawang yang telah di-hiriskan halus tadi. Apabila sudah siap masokan dalam achuan yang telah ber-las kertas lalu di-bakar. Ubi kentang di-rebus dan di-lecek untuk hiasan dan sengkang di-gubah buat chendawan.



Siswazah Brunei

MINGGU ini Siswazah Brunei akan di-isikan oleh Dk Rahmah PHM Jadid, Pmk Ketua Talivishen Pendidikan yang telah lulus dari Universiti London dengan ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada 19hb Oktober jam 7.30 malam dan siaran ulangan-nya akan ka-udara pada hari Sabtu jam 1.00 tengahari.



Kesah hidup suami isteri dalam Muzika Drama minggu ini

SIRI ranchangan Muzika Drama episod-nya yang ke-6 pada hari 21hb Oktober, 1979, akan membentukkan sa-buah kesah hidup suami isteri. Sa (Abdullah Haji Salim) ingin ber-lagi sa-telah isteri-nya (Dayang Haji Jaya) gagal memberikan-nya walau telah lima tahun berkahwin.

Hisham (suami) telah jatuh cinta dengan sa-orang gadis, Tinah (Malai Sheikh Othman) dan berjanji memperisterikan-nya. Sejak perhubungan dengan Tinah, Hisham mula merumahnya dan sering perbelahan dengan isteri-nya. Ada-lah sa-orang anak yatim, yang pernah mendapat kaseh sayang dari nya, walau pun dari ayah-nya yang hidup tapi tidak di-ketahui di-mana. Tinah di-besarkan dan di-pelihara oleh Che Omar (Haji Ahmad Arshad) ibu Tinah.

Chita2 Hisham untuk memperisterikan Tinah telah tidak terlaksana, kerana sa-suatu yang menghalang mereka. perchaya pasti para penonton ingin apa-kah masaalah dan penghalang. Untuk mengetahui-nya kami perpara penonton menyaksikan Muzika Drama Kembang Bertaut pada hari 21hb Oktober, 1979 jam 8.45 malam.

Sayugia di-nyatakan, bahawa chendawan ini ada-lah merupakan yang terakhir dalam minggu Muzika Drama kali ini. Insya Allah jika di-izinkan, ia akan kembali menemani para penonton pada tahun yang akan datang.

Panduan Pelajar

RANCHANGAN Panduan Pelajar untuk penuntut2 tingkatan 5, akan di-siarkan pada Hari Jumaat, 19hb. Oktober, jam 4.00 petang, dan ulangan-nya pada hari Ahad, 21hb Oktober, jam 5.45 petang. Tajok: General Paper (Population Explosion). Keluaran hari Selasa, 23hb Oktober jam 9.15 malam, dan ulangan-nya pada hari Khamis, 25hb Oktober jam 1.30 petang. Tajok: Chip-taan Kredit dan Kawalan Kewangan.

Sementara itu Radio Brunei juga menerbitkan Kuliah Sastera. Gambar kanan kelihatan empat orang peserta sedang menyayikan rakaman ranchangan KULIAH SASTERA sa-buah ranchangan pelajaran yang di-usahakan oleh Persatuan Astrawani untuk membantu pelajar2 yang mengikuti mata pelajaran Sastera Peringkat 'O' dan 'A'.

Ranchangan tersebut akan ka-udara pada tiap2 hari Jumaat, jam 11.00 pagi, dan Ahad jam 11.30 pagi.





SA-ROMBONGAN 32 orang penuntut Maktab Perguruan Gadong yang di-ke-tuai oleh Pensharah mereka Dayang Matmunah bte Alias dan Dayang Maznoor bte Abd. Hamid telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Steshen Ternakan Luahan/Jerudong baru2 ini. Rombongan ini di-bawa ka-ladang untuk menyaksikan tanaman rumput dan ternakan lembu serta mendengar taklimat2 dari dua orang pegawai Pertanian ia-itu Awang Abdullah bin Haji Bagol (V.O.) dan Awang Aziz bin Saat (A.V.O.) mengenai kegiatan2 di-Steshen tersebut (gambar atas) — Gambar Jabatan Pertanian.

20 ORANG LAGI NAIK PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 20 orang lagi pegawai2 dari berbagai jabatan telah dinaikkan pangkat. Termasuk dalam senarai kenaikan pangkat yang di-terbitkan oleh Jabatan Perjawatan itu ia-lah dua orang Pegawai Pentadbir Tingkatan II yang telah di-naikkan pangkat ka-Tingkatan I. Mereka ia-lah Awang Abd Wahid bin Haji Salleh — Pelajaran dan Awang Hassanol As'shahi bin Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri — Talikom.

Kenaikan pangkat bagi kedua2 pegawai itu bermula pada 1hb Oktober, 1979.

Awang Mohd Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, Pegawai Ugama — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Ugama Kanan.

Sa-orang lagi dari jabatan tersebut, Awang Tamin bin Haji Tahamit telah dinaikkan pangkat menjadi Ketua Merinyu Hal Ehwal Ugama ia-itu jawatan dalam Bahagian III. Kenaikan bagi kedua2 orang pegawai itu bermula pada 1hb Oktober, 1979.

Empat orang Penolong Pensharah di-Jabatan Pelajaran telah dinaikkan pangkat menjadi Pensharah ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Mereka ia-lah Awg Ma'awiah bin Haji Abdullah, Dayang Norsham bte Haji Ahmad Yunus, Awg Mohsin bin Abu Bakar dan Dayang Fatimah bte Haji Abd Rahman.

Kenaikan pangkat bagi ke-empat orang pegawai itu bermula pada 1hb Oktober, 1979.

Lain2 pegawai yang dinaikkan ka-Bahagian III ada-lah seperti berikut: —

Tiga orang Penolong Pemereksa Buroh di-Jabatan Buroh telah di-naikkan sebagai Pemereksa Buroh mulai 1hb September, 1979. Mereka ia-lah Awang Masri bin Haji Matarsad/Haji Metarsat, Awang Mukim bin Awang Hassan dan Awang Matussin bin Haji Mahmud.

Dua orang pegawai di-Jabatan Daerah Brunei-Muara di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik Kanan mulai 1hb September, 1979.

Mereka ia-lah Awang Jamudin bin Haji Lisa @ Jumat dan Awang Abdul Malik bin Haji Aliahmad.

Dua orang Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam telah dinaikkan pangkat sa-bagai Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara Tingkat III. Mereka ia-lah Awang Haji Hamdan bin Amp Hj Damit dan Awang Koh Han Kok. Tarikh kenaikan pangkat bagi kedua2 pegawai ini bermula 1hb Ogos, 1979.

Dua orang pegawai dari Jabatan Radio Talivishen Brunei, ia-itu Awang Ramlee bin Haji Mohd Said, Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu di-naikkan pangkat sa-bagai Pengelola Ranchangan Kanan; Dk Mariam bte Pg Metali, Pegawai Ranchangan Tingkat I di-naikkan pangkat sa-bagai Pengelola Ranchangan (Bahagian Melayu).

Kenaikan pangkat bagi kedua2 pegawai itu bermula pada 1hb Januari, 1979.

Awang Md Yusof bin Badar, Tradesman Tingkat Khas — JKR, di-naikkan pangkat sa-bagai Tukang Pelan Kanan mulai 1hb Ogos, 1979.

Awang Adnan bin Awg Besar, Pembantu Rumah Sakit — Perubatan, dinaikkan pangkat sa-bagai Penyelia Simpanan Darah mulai 1hb September, 1979.

Dayang Asnah bte Haji Talip, Penolong Pegawai Terafik, Talikom di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Terafik Talikom mulai 1hb Oktober, 1979.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga mengumumkan pertukaran tiga orang Pegawai Pentadbir dan dua orang Kerani Tingkatan II.

Pengiran Omar bin Pg Sabtu, Penolong Pegawai Daerah Belait di-tukar sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara; Awg Abdul Hamid bin Ismail, Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara di-tukar ka-Jabatan Pelajaran sa-bagai Pentadbir Tingkatan Khas dan Awang Ali Akbar bin Abu Bakar di-tukar ka-Jabatan Ukur.

Dua orang Kerani Tingkatan II, Talikom, Awang Lim Thian Seng @ Tian Seng dan Pg Jambol bin Pg Haji Sulaiman telah di-ubah jawatan mereka sa-bagai Pegawai Terafik Talikom di-Jabatan yang sama.

Pertukaran bagi kelima2 orang pegawai itu bermula 1hb Oktober, 1979.

Peraduan menulis artikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena memperingati Tahun Antara Bangsa kanak2 tahun ini, satu peraduan menulis artikal akan di-anjarkan. Peraduan itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan mutu penulisan dan menggalakkan para belia supaya lebih chenderong dalam bidang penulisan.

Peraduan tersebut terbuka kepada belia2, penuntut sekolah di-seluruh negeri yang berumur 18 tahun kebawah.

Tajok karangan ia-lah "PERBELANJAAN TERHADAP BELIA2 ADALAH SATU PELABORAN MASA HADAPAN".

dan panjang karangan tidak di-hadkan.

Pemenang dalam peraduan itu nanti akan menerima wang tunai \$100 bagi pemenang pertama, \$60 bagi pemenang kedua dan \$40 bagi pemenang ketiga.

Karangan2 yang telah siap boleh-lah di-hantar kepada Ak. Mohd. Yaakob bin Pg Othman, di-alamat Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari hari Rabu 31hb. Oktober 1979.

Mereka yang mengirinkan artikal2 itu mesti-lah menyertakan nama yang penuh, alamat, nombor talipon (jika ada), sekolah dan tingkatan.

Pada hari ini, 17hb Oktober rombongan dari jabatan itu

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 11hb Oktober, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN:

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hong Soon,
No. 6, Jalan McArthur.

2. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut:—
Liong Yu Company,
No. 58, Jalan Sultan.

3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT:

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Haw Min,
No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.

2. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.

3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
b) Ng Ming Hong,
No. 101, Jalan McKerron,

SERIA:

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.

2. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) 55 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
c) Choo Heng and Company,
No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.

3. SAGO HALUS — 70 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

- b) Haji C. A. Mohammed,
No. 51, Jalan Bunga Kuning.
c) Chop Siong Yick,
No. 54, Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 17hb hingga 23hb Okt. 1979.

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	17.10.1979	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	17.10.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	17.10.1979	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Kawasan Rumah Mukim Serasa, Kampong Serasa	18.10.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Kampong Masjid Lama, Muara	18.10.1979	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkuring	20.10.1979	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	20.10.1979	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	20.10.1979	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	22.10.1979	Isnin	3.00- 4.00 petang
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	22.10.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	23.10.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	23.10.1979	Selasa	10.30-11.30 "

Jadual pengambilan chontoh darah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan meneruskan gerakan pengambilan chontoh darah bagi bulan ini. Mulai hari ini 17hb Oktober, rombongan dari jabatan itu akan melawat laman buah kampong di-Daerah Tutong untuk menjalankan pengambilan chontoh darah penduduk2 di-kampong2 yang berkenaan.

Pada hari ini, 17hb Oktober rombongan dari jabatan itu

akan berada di-Kampong Merimbun, 18hb Oktober di-Kampong Benutan, 20hb Oktober di-Kampong Sengkawang dan Pelajau; 22hb Oktober di-Kampong Keranching dan Mediet; 23hb Oktober di-Kampong Belaban dan Mapol; 24hb Oktober di-Kampong Panchoh Layong, 25hb Oktober di-Kampong Rambai dan 27hb Oktober di-Kampong Pk Piton dan Tg Dangar.



ANTARA ribuan sanak saudara dan sahabat handai (gambar atas dan bawah) yang berduyun-duyun mengisi ruangan bangunan lapangan terbang antarabangsa bagi mengucapkan selamat belayar kepada jemaah2 haji pagi Selasa yang baru lalu.



BERSALAMAN dengan beberapa orang pegawai2 tinggi kerajaan (gambar atas) jemaah2 haji ini kelihatan riang sa-belum beredar dan menaiki kapalterbang (gambar bawah).



PENERBANGAN JEMAAH HAJI KUMPOLAN KEDUA BERLEPAS



JEMAAH kecil ini (di-dukung) ada-lah di-antara 348 orang jemaah haji penerbangan kedua kelihatan sedang menjalani pemeriksaan keselamatan di-lapangan terbang sa-belum berlepas berangkat ka-tanah suci (gambar atas) dan gambar bawah, ketidak-upayaan nenek ini terpaksa di-bantu oleh pulis wanita ketika berjalan menuju kapalterbang.



KEMIN
semin
bawen



KESEKAKAN orang ramai (gambar atas kiri) tidak dapat di-elakkan dalam sa-tiap musim haji, bagaimanapun ia-nya memperlihatkan kasih mesra antara sanak saudara yang di-tinggal-kan dan jemaah haji yang mula memisahkan diri bagi penerbangan ka-tanah suci. Gambar atas dan bawah, berpelok-pelokan antara pegawai2 tinggi keraian dan sanak saudara jemaah tambah memulikan lagi suasana keberangkatan para jemaah ka-tanah suci.



YB Setia Usaha Keraian ada-lah di-antara pemimpin negara yang tidak ketinggalan berada di-lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat kepada para jemaah (atas), gambar bawah antara sanak saudara para jemaah turun dari bas di-lapangan teroang bagi mengalu-ngalukan keberangkatan dan bawah sekali jemaah2 haji ketika menaiki tangga kapalterbang.



KEMERANGAN tidak ketinggalan di-sulami dengan do'a dan restu (atas) semasa perjalanan menyahut panggilan Tuhan ka-tanah suci itu (gambar bawah) mendapat perlindungan-Nya jua.





SA-BAHAGIAN dari pelatoh2 sedang menganyam bakul di-dalam lathan mereka di-Pusat Lathan Pekerjaan Kebajikan.

Pusat Latehan Pekerjaan Kebajikan kini mempunyai 17 orang pelatoh

PUSAT Latehan Pekerjaan Kebajikan yang kini telah menjangkau usianya lima tahun, hingga saat ini telah mempunyai 17 orang pelatoh termasuk tiga orang perempuan dan sa-orang kanak-kanak dari seluruh negeri.

Pelatoh2 yang mengikuti kursus di-pusat ini terutama datang dari Kuala Belait, Seria, Tanjong Maya, Bukat Udul, Kampong Ukong di-Daerah Tutong dan dari Bandar Seri Begawan.

Pusat Latehan Pekerjaan yang telah di-tubuhkan sejak tahun 1975 terletak di ibu negeri dan di-bawah jagaan Jabatan Kebajikan

Belia dan Sokan.

Tujuan dan perkhidmatan Tujuan Pusat Latehan Pekerjaan di-tubuhkan adalah untuk memberikan latihan pekerjaan kepada orang2 chachat seperti orang2 buta, pekak dan bisu, spastic serta retarded. Walau bagaimana pun buat masa ini pusat tersebut hanya memberikan latihan dan membimbing orang2 buta sahaja.

Dari segi perkhidmatan pula pusat ini menyediakan kursus2 penyesuaian dan penilaian seperti kenal-suai chara penghidupan harian, kecekapan perhubungan, latihan kemasyarakatan dan lain2 lagi.

Di-samping mengikuti kursus pelatoh2 juga di-berikan elaan dan pendapatan di-mana dalam pra-lathan pekerjaan sa-tiap orang buta menerima \$60.00 sa-bulan kemudian akan menerima \$150.00 sa-bulan apabila mereka memasuki tingkatan lathan pekerjaan yang boleh di-angap memuaskan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Pelatoh2 di-pusat ini akan mengikuti bidang pelajaran yang di-sediakan oleh pusat ini seperti kerja2 rotan atau anyaman dari rotan dan jahitan di-samping itu para pelatoh juga di-ajarkan mata pelajaran yang wajib di-ikuti oleh sa-tiap sa-orang pelatoh antaranya termasuklah pelajaran keagamaan, urusan rumah-tangga, bahasa Melayu dan menaip.

Semua-nya pelajaran ini telah pun di-atorkan oleh pengawas pusat tersebut yang mana pelajaran itu di-adakan tiap2 minggu mengikut jadual yang telah di-atorkan dan di-tetapkan.

Di-samping mengikuti kursus di-pusat ini pelatoh2 juga di-berikan kesempatan dengan di-hantar keluar negeri seperti di-Singapura demi untuk meningkatkan kemahiran dan pekerjaan mereka.

Aktiviti2-nya

Di-dalam menambahkan ilmu pengetahuan dan pergaulan yang lebih rapat para pelatoh juga di-berikan kesempatan untuk membuat aktiviti2 luar di-mana mereka di-ajar cha-

ra2 bermain alat2 musik, berenang dan bersukan di-sebelah petang.

Di-samping itu juga mereka di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarik di-negeri ini seperti Muzium, Tugu Peringatan Churchill, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan-tangan, Padang Minyak Seria dan lain2 tempat yang bersejarah dan menarik di-Brunei Darussalam ini.

Dari segi kemajuan pula pusat kebajikan ini telah pun mencapai satu kemajuan dari segi ekonomi di-mana ia-nya mampu dan dapat menghasilkan wang sa-jumlah \$3,201.50 hasil daripada penjualan bakul dalam tempoh empat bulan tahun ini (1979).

Penjualan2 tersebut adalah di-anggarkan seperti berikut ia-itu dalam bulan Mei penjualan bakul2 menghasilkan wang sa-jumlah \$1,500.00 dan tahun berikutnya pusat ini hanya menghasilkan sa-jumlah \$250.00.

Dan dalam bulan Julai pula jualan menghasilkan sa-jumlah \$1,101.50 dan dalam bulan Ogos tahun ini pusat tersebut dapat menghasilkan wang sa-jumlah \$350.00.

Dari hasil penchapaian penjualan ini, jelas kepada kita bahawa orang2 buta di-negeri ini telah dapat menunjukkan kemampuan mereka di-dalam membantu meningkatkan ekonomi di-samping untuk berbakti kepada Negeri Brunei Darussalam.

Kerjasama orang ramai Oleh itu ada-lah di-harapkan kepada orang ramai terutama sekali belia2 supaya akan dapat memberikan kerjasama seperti bertutor bahasa dengan baik apabila bertutor atau berbual dengan orang2 buta dan juga memberikan pertolongan jika sa-orang buta menghadapi satu masalah atau kesusahan.

Dan kepada pemandu2 kereta pula mereka di-ingatkan supaya akan dapat memberhentikan kereta2 mereka apabila sa-orang buta yang menggunakan tongkat puteh menyeberang jalan.

Ketetapan harga kereta Toyota

UNTOK panduan dan ma'aluman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini, Pengawal Harga telah meluluskan harga2 baru bagi jenis kereta TOYOTA dari Sharikat NBT seperti berikut: —

JENIS KERETA (Type of cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road)
TOYOTA COROLLA STANDARD Model: KE 70R EEKRS 1290 c.c., 4 Gearbox Speeds Wheel Hub Caps Fabric Seat Cover, Bumper Overrides, Side-Buffer Strip, Headrest, Seat-Belts, Cigar Lighter and Petrol Cap Lock	\$ 9,900.00	\$10,315.00
TOYOTA COROLLA DELUXE Model: KE 70R EEMDS 1290 c.c., 5 Gearbox Speeds, Radial Tyres, Wing Mirror, Wheel Hub Caps, Rear De-Mister, Air Blower, Fabric Seat Cover, Bumper Overrides, Side-Buffer Strip, Headrest, Seat Belt, Radio, Cigar Lighter, Petrol Cap Lock and Centre Console	\$10,850.00	\$11,284.00
TOYOTA COROLLA COUPTOP Model: KE 70R ECMDS 1290 c.c., 5 Gearbox Speeds, Radial Tyres, Wing Mirror, Wheel Hub Cape, Rear De-Mister, Air Blower, Fabric Seat Cover, Bumper Overrides, Side-Buffer Strip, Headrest, Seat Belts, Radio, Cigar Lighter, Petrol Cap Lock and Centre Console	\$11,600.00	\$11,952.00
TOYOTA COROLLA STATION Model: KE 70RG EWKRS	\$10,600.00	\$11,044.00
TOYOTA STARLIGHT HATCHBACK (5-Speed) Model: KR 60R PRMRS Radial Tyre, RR. Window Defogger, Rear Wiper, Outer Mirror DR. 1, Carpet, AM Radio, Seat Belt, Cigarette Lighter and Floor Mat	\$ 9,660.00	\$10,058.00
TOYOTA CARINA DELUXE Model: TA 40R AEKDS (Non A/Cond) 165 x 13" Radial Tyres, Outer Mirror Benztype, Console Box, AM Radio, Cassette Car Stereo, Seat Belt, Clock, Carpet, Cigarette Lighter and Blower	\$12,140.00	\$12,623.00
TOYOTA CARINA DELUXE Model: TA 40R AEKDS (A/Cond) 165 x 13" Radial Tyres, Air-Condition, Outer Mirror, Console Box, AM Radio, Cassette Car Stereo, Seat Belt, Clock, Carpet and Cigarette Lighter	\$13,580.00	\$14,080.00
TOYOTA CELICA ST, Model: TA 40R BCMBS, Radial Tyres, Blower, Seat Belt, Clock Radio, Automatic Aerial, Cassette Player, Cigarette Lighter, Wing Mirrors Centre Console	\$13,890.00	\$14,426.00
TOYOTA CELICA GT, Model: TA 40R BCMQG, Radial Tyres, Blower, Seat Belts, Clock, Radio, Automatic Aerial, Cassette Players, Cigarette Lighter, Wing Mirrors and Centre Console	\$17,000.00	\$17,593.00

TOYOTA CORONA STATION WAGON, Model: TT 132RG RWKRS (Non A/Cond) Radial Tyres, Collapsible Rear Seat	\$13,840.00	\$14,350.00
TOYOTA CORONA STATION WAGON, Model: TT 132RG TWKRS (A/Cond)	\$15,170.00	\$15,751.00
TOYOTA CORONA 1800 SALOON (5-Speeds), Model: TT 132R TEMDS (Non A/Cond) Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Cigarette Lighter, Auto Clock Turning, Carpet, Seat Belts and Rear Defogger	\$13,235.00	\$13,741.00
TOYOTA CORONA 1800 SALOON (5-Speeds), Model: TT 132R TEMDS (A/Cond) Air-Condition, Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Cigarette Lighter, Auto Clock Turning, Carpet, Seat Belts, and Rear Window Defogger	\$14,585.00	\$15,127.00
TOYOTA CORONA 1800 LIFTBACK, Model: TT 132R TLMDS (Non A/Cond), Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Rear Window Wiper and Washer, Rear Defogger, Cigarette Lighter, Auto Clock Turning, Carpet and Seat Belts	\$13,750.00	\$14,292.00
TOYOTA CORONA 1800 LIFTBACK, Model: TT 132R TLMDS (A/Cond), Air-Condition, Radial Tyres, Radio AM/FM, Cassette Car Stereo, Rear Window Wiper and Washer Rear Defogger, Cigarette Lighter, Auto Clock Turning, Carpet and Seat Belts	\$15,075.00	\$15,644.00
TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON, Model: RX 35R WKR (Non A/Cond) 6.45 x 14" Cross-ply Tyres, Cigarette Lighter, Wing Mirrors, Armrest and Collapsible rear seat	\$13,540.00	\$14,086.00
TOYOTA CRESSIDA STATION WAGON, Model: RX 35R WKR (A/Cond) 6.45 x 14" Cross-ply Tyres, Cigarette Lighter, Wing Mirror, Armrest and Collapsible rear seat	\$15,200.00	\$14,773.00

Orang ramai boleh-lah melihat jadual2 harga kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pihak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjukkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilik pameran (showroom) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pihak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kepada pihak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

PEMBETULAN

DATSUN 120Y 4 Doors Deluxe, Model B310 UD, ada-lah di-betulkan harga jualan-nya (Showroom Selling Price) kepada \$10,015.00 bukan-nya \$10,115.00 sa-bagaimana yang di-chatetkan dalam Pelita Brunei keluaran 26hb September, 1979.



DI-SAMPING mengikuti kursus mereka juga boleh bermain alat musik dan mendendangkan beberapa buah lagu sa-masa Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokah meraikan orang2 buta di-satu majlis sambutan hari raya.



AWANG RODERICK YONG, the Senior Specialist Inspector of the School Inspectorate Department will be our guest in this week's programme of BRUNEI GRADUATES.

Do tune in tomorrow at 12.45 pm and hear Awang Roderick share with us how he achieved his ambition to aim higher academically that led him to a scholarship award in 1964.

A repeat broadcast of the programme can be heard on Sunday 21st October at 8.00 p.m.

"What's wrong with me, Doctor?"

"DO you really need a whole load of medicines to ease your pain when you're having your 'period'?" "Do you really need to have injections for trivial things like coughs and colds? Are these injections harmful?" "Sometimes when you go off to sleep your whole body sort of 'jumps' and wakes you up — why? And also when you wake up from your sleep your face puffs up just like that — silly as it may sound but it does sometimes happen to you. All these are going to be discussed by Dr. Kay in his weekly programme "What's wrong with me, Doctor?" this Sunday the 21st October, at 12.45 pm and in case you miss the original broadcast the repeat is on Wednesday evening 24.10.79 at 8.00 pm. The programme comes from Radio Brunei English Service.



JULIE FARR M.D.

Dalam episod selanjut-nya, pada minggu ini Julie melanggar aturan apabila ia membidani kelahiran sa-orang anak damit yang mana ibunya ada-lah sa-orang pendatang haram. Ini akan menimbulkan masalah2 dengan badan yang mengawal hospital dan juga Jabatan Imigresyen. Kebimbangan2 ini luput apabila suami wanita itu mengeluarkan-nya dari hospital untuk mengelakkan dari di-halau keluar beberapa minit sahaja sa-belum Julie dan Blake mendapati ia-nya mengidap penyakit malaria yang serius.

Dengan latarbelakang ini, usaha mencari ibu yang sakit itu berakhir apabila suaminya pulang untuk mengambil anak-nya. Julie meyakinkan-nya bahawa isteri-nya mesti-lah di-berikan rawatan perubatan untuk menyelamatkan-nya.

Saperti biasa siri ini akan ka-udara pada hari Sabtu jam 7.30 malam.

GAMBAR : Dr Julie Farr membinchangkan satu pendapat dengan teman sekerja-nya Dr Blake Simmons, doktor bedah yang terkemuka dalam siri JULIE FARR M.D.



MULAI hari Ahad ini, RTB akan menayangkan satu siri baru — "From Here To Eternity" yang di-padankan dari nobel James Jones yang terkenal dengan judul yang sama. Siri ini di-bintangi oleh Natalie Wood dan William Derane dan kesah ini berkisar di-kalangan 'G' Kompeni di-Schofield Barracks, Honolulu dalam tahun 1941.

Gambar atas kelihatan salah satu adegan dalam siri pertama yang akan dapat awda ikuti pada hari Ahad jam 6.15 petang.



"K is for killing" tajok siri THRILLER minggu ini

"K" ada-lah puncha segala2-nya dalam kesah ini. Untuk mengetahui-nya saksi-kan-lah tayangan-nya pada jam 10.20 malam Jumaat ini.

Gambar di-atas memperlihatkan adegan2 dari episod ini dengan Gayle Hunicutt sa-bagai pelaku utama.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05—Pimpinan illahi; 7.10—Dendang suria; 8.00—Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra irama; 9.00—Dendang antarabangsa; 9.30—Cherpen dan salokan-nya; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Ruangan muda mudi; 11.00—Hiboran; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00—Ku sampaikan salam—Azan dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu kah awda?; 1.30—Sekitar masyarakat (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Permintaan parajurit—Azan fardhu isha; 7.30—Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mengenang zaman silam; 9.00—Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30—Usaha jaya; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasana Berita; 10.05—Pimpinan illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05—Pimpinan illahi; 7.10—Dendang suria; 8.15—Rampain London (SU); 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Varia Peristawa (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. T/HARI: 12.00—Selangkar madah—Azan fardhu dzohor; 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Kisah dan tauladan; 1.30—Tunas harapan. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukadam; 6.00—Mari berzikir—Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Hidayat—Azan fardhu isha; 7.30—Permainan gambus; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (SU); 9.00—Sandiwara radio; 9.30—Tahukah awda? (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasana Berita; 10.05—Pimpinan illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05—Pimpinan illahi; 7.10—Dendang suria; 7.45—Siri mukadam (SU); 8.00—Pertanian dan perikanan; 8.30—Pelajaran dewasa di-udara; 9.00—Apa pilihan awda; 9.30—Tafsir Al-Koran; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Apa pendapat awda; 10.30—Kursus Al-Koran; 11.00—Peristawa Dalam Sa-minggu; 11.30—Tunas Pendidek. T/HARI: 12.00—Permainan gambus; 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15—Irama padang pasir; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Selingan irama. PETANG: 2.00—Untok Belia; 2.30—Suara dari bintang2; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Soalan di-udara; 3.30—Mutika 79—Azan untok fardhu asar; 4.00—Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30—Di-bumi bertuah; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Irama lagu asli—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Cherpen dan Salokan-nya—Azan fardhu isha; 7.30—Brunei Graduates; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Kisah dan tauladan (SU); 9.00—Autograph pendengar; 9.30—Chitrawara; 10.00—Tanda Waktu dan

Rengkasana Berita; 10.05—Pimpinan illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05—Pimpinan illahi; 7.10—Dendang suria; 8.00—Apa pendapat awda (SU); 8.15—Dendang antarabangsa; 9.30—Chitrawara (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Selingan irama; 10.30—Panorama radio (SU); 11.00—Majallah shell (SU); 11.30—Suara dari bintang2 (SU). T/HARI: 12.00—Ku sampaikan salam—Azan fardhu dzohor; 12.30—Hiboran rampaian tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh perindu—Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Chitra irama (SU)—Azan isha; 7.30—Tunas harapan (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Selingkar madah (SU); 9.00—Bertuturan; 9.30—Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasana Berita; 10.05—Pimpinan illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—

Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05—Pimpinan illahi; 7.10—Dendang suria; 8.00—Mastika radio; 8.30—Dunia wanita; 9.00—Keluarga si-awang; 9.30—Taman mekar;

